



# MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

## TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

## SEMPENA

MAJLIS ANGKAT SUMPAH  
PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
**2020**

## OLEH

YANG BERTHORMAT TUAN JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL  
SINGH  
**AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**  
**MERANGKAP Pengerusi Jawatankuasa Perumahan,**  
**KERAJAAN TEMPATAN DAN PERANCANGAN BANDAR & DESA**

## TARIKH / MASA / TEMPAT

**10 JULAI 2020 (JUMAAT)**  
**9.30 PAGI**

**DEWAN KENANGA**  
**MENARA MBSP**  
**BANDAR PERDA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa

**Yang Berhormat Dato' Abdul Razak Bin Jaafar**

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang**

**Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen Negeri Pulau Pinang**

**Yang Berhormat ADUN-ADUN Negeri Pulau Pinang**

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Nur'Aishah binti Md Norodin**

Ketua Penolong Setiausaha

Bahagian Kerajaan Tempatan

**Yang Berusaha Ir Hajah Rosnani Binti Mahmud**

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan**

Kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan - rakan Media**

**Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian**

-----

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya dapat juga kita berkumpul pada pagi yang bersejarah ini bersempena Majlis Angkat Sumpah dan Penerimaan Jawatan dua (2) Ahli Majlis yang baharu bagi tahun 2020. Saya selaku Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) mewakili seluruh warga kerja MBSP ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa, Barisan EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang; Yang Berhormat Dato' Abdul Razak Bin Jaafar, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang; Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang; Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen Negeri Pulau Pinang dan ADUN Negeri Pulau Pinang; Yang Berusaha Puan Nur'Aishah binti Md Norodin, Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan; Puan Setiausaha Bandaraya MBSP, Ketua-Ketua Jabatan, rakan-rakan media dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan Majlis pada pagi ini.

## **Yang Berhormat Dato', Yang Berhormat-Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Untuk makluman, dua Ahli Majlis MBSP iaitu Puan Shuhada binti Abdul Rahim dan Dr. Seow Kweng Tian tidak lagi berkhidmat sebagai Ahli Majlis MBSP berkuatkuasa 01 Julai 2020. Puan Shuhada binti Abdul Rahim telah berkhidmat sebagai Ahli Majlis MBSP sejak tahun 2016, manakala Dr. Seow Kweng Tian pula telah berkhidmat sebagai Ahli Majlis MBSP sejak tahun 2017.

MBSP ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas segala sumbangan yang telah diberikan oleh kedua-dua Ahli Majlis ini yang selama ini berkhidmat di MBSP dan telah banyak bekerjasama dalam membantu menggubal dasar dan garis panduan MBSP, menyumbang idea serta komen yang bernas dalam semua jawatankuasa-jawatankuasa yang dihadiri, membantu dalam pelaksanaan Pelan Strategi Seberang Perai 2018-2022, memberi sokongan mental malahan turut turun padang siang dan malam untuk membantu dan meringankan beban dan masalah penduduk.

Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah serta mengalu-alukan kehadiran Encik Ooi Boon Sheng dan Puan Noor Azuawati binti Ahmad, Ahli Majlis MBSP baru, yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang untuk menjadi Ahli Majlis MBSP bagi tahun 2020 berkuatkuasa pada 2 Julai 2020 sehingga 31 Disember 2020. Diharapkan kerjasama yang erat dapat diteruskan untuk meneruskan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang kepada rakyat seterusnya menjadikan Seberang Perai Bandar Aspirasi Masa Hadapan.

**Yang Berhormat Dato', Yang Berhormat-Yang Berhormat, Tuan-Tuan  
Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih atas segala sokongan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ahli-Ahli Majlis MBSP, Wira Oren, seluruh kakitangan MBSP yang bertugas di tempat kerja dan di rumah, rakan-rakan media yang sentiasa membuat liputan dan seluruh penduduk Seberang Perai kerana kita bersatu hati dalam saat-saat melawan COVID-19 ini.

Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak dari 18 Mac 2020, MBSP telah memainkan peranan penting sehingga Seberang Perai

mencapai 99.28% pematuhan *Standard Operating Procedures* (SOP). MBSP juga telah menambahbaik dan menyesuaikan 49 SOP untuk dilaksanakan di Pulau Pinang setelah diluluskan oleh Jawatankuasa Khas Keselamatan Negeri Pulau Pinang (JKKN PP).

MBSP telah memperkenalkan *Cyber Counter*, yang merupakan pendigitalan perkhidmatan secara atas talian, yang membolehkan kesemua 100 perkhidmatan yang disediakan di kaunter berpusat MBSP dicapai atau diakses secara *online* untuk memastikan perkhidmatan diteruskan dalam masa pandemik COVID-19. MBSP juga telah melakukan *virtual contract balloting* dalam pemilihan kontraktor kerja untuk menjanakan ekonomi. Sebanyak RM698,000.00 nilai kerja telah diberikan kepada lapan (8) kontraktor yang berjaya melalui *virtual contract balloting* dalam usaha untuk menjana ekonomi pasca COVID-19.

Pasca COVID-19 membawa pelbagai pembaharuan dalam kehidupan manusia dan MBSP sedang memberi penekanan kepada *circular economy* untuk meningkatkan ekonomi keluarga, di desa dan di kota. *Road Map* ke arah *Circular Economy* sedang disediakan dan dijangka akan dilancarkan pada Disember 2020. *Circular Economy* mempunyai potensi yang luas dan menjadi alternatif kepada *linear business model* yang diamalkan sekarang.

Pulau Pinang dan Seberang Perai tidak boleh melengah-lengahkan usaha ini. *Circular Economy* membawa kepada penghasilan dan penggunaan mampan ke arah pembentukan Bandaraya Seberang Perai menjadi Bandar Raya Rendah Karbon pada tahun 2022, Bandar Raya *Carbon Neutral* pada tahun 2030, dan Bandar Raya *Zero Carbon* (sifar karbon) pada tahun 2050.

Justeru, saya menyeru Ahli Majlis yang baru dan lama memainkan peranan dalam membawa peluang yang terdapat dalam *circular economy* ke peringkat mikro dan melaksanakannya di kawasan kampung dan desa, kawasan perumahan, malahan berkolaborasi dengan sektor makro di kawasan perindustrian dan perdagangan. Di antara cabaran dalam peralihan (*transition*) yang telah dikenalpasti ke arah *circular economy* adalah *food waste and food security, water security, construction and demolition waste (C&D waste), single use plastic* dan *E-waste and hazardous waste*.

## **Yang Berhormat Dato', Yang Berhormat-Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Seberang Perai mempunyai wawasan yang jelas iaitu untuk menjadi Bandar Raya Pintar dan Bandar Raya Rendah Karbon pada tahun 2022, Bandar Raya *Carbon Neutral* pada tahun 2030, iaitu 10 tahun dari Januari 2020 dan menjadi Bandar Raya *Zero Carbon* (sifar karbon) pada tahun 2050. Usaha ini adalah sejajar dengan Wawasan *Penang2030* untuk menjadikan Pulau Pinang “*A Family-Focused Green and Smart State That Inspires The Nation*”. MBSP komited untuk bersama bandaraya-bandaraya lain di dunia untuk menangani perubahan cuaca supaya dapat menghadkan pemanasan global ke 1.5<sup>0</sup> Celcius.

Strategi utama untuk mencapai sasaran utama di atas ialah pengurangan jejak karbon melalui peningkatan kadar kitar semula sebanyak 70% dan pengurangan 50% per kapita penghasilan sampah pada tahun 2022. Seberang Perai telah berjaya mencapai kadar kitar semula tertinggi di Malaysia iaitu 51.64% pada tahun 2019, iaitu peningkatan sebanyak 4.49% dari tahun 2018.



Seberang Perai telahpun berjaya mengurangkan penghasilan karbon per kapita sebanyak 16.5% pada tahun 2019 iaitu dengan bacaan sebanyak 6.88 tan CO<sub>2</sub>eq seorang berbanding tahun 2015 sebanyak 8.24 tan CO<sub>2</sub>eq seorang. Seberang Perai juga telah berjaya mengekang peningkatan pelepasan karbon sebanyak 10,436,480 CO<sub>2</sub>eq jika dibanding dengan *business as usual* atau jika tiada usaha pengekangan dibuat oleh MBSP. Pencapaian ini telah membolehkan MBSP tersenarai dalam sepuluh bandaraya terbaik di rantau Asia Tenggara dan antara 100 bandaraya terbaik di dunia oleh *Carbon Disclosure Project (CDP)*.

Seberang Perai mempunyai asas yang kukuh untuk meluncur laju menerokai *circular economy*. Seberang Perai mempunyai 10 *full recovery facilities*, 220 agen kitar semula, 69 pusat pengumpulan kitar semula, 154 sekolah yang menyertai pertandingan e games, dan 3,741 pelajar sekolah yang terlibat dalam Program Sekolah Hijau.

Selain itu, MBSP juga menjalin kerjasama strategik dengan menara gading, pihak swasta dan lain-lain organisasi melalui pendekatan *smart partnership* melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*).

Antara program kolaborasi yang telah dilaksanakan adalah bersama dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) ialah, reimagining of resources outdoor adalah kemahiran penyediaan **Mural 3D** menggunakan bahan buangan, iaitu tudung botol minuman, untuk dijadikan sumber dalam menghasilkan karya seni; merekacipta dan menghasilkan alat ***Economical Food Waste Composter*** (EFWC) yang mempercepatkan proses pengkomposan bahan buangan organik atau sisa dapur; dan **Permainan Pendidikan Digital Hijau** yang bertujuan meningkatkan kesedaran, memperkasakan pendidikan ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar di kalangan murid-murid di sekolah-sekolah di Seberang Perai.

MBSP juga berkerjasama rapat dengan Universiti Sains Malaysia dan Syarikat Al Ansar Integrated Sdn. Bhd. di bawah Program *Waste To Protein* dan *Waste To Compost* untuk menjadikan *circular economy* dalam sektor pertanian desa dan kota serta meningkatkan pengurusan sisa ke arah menambahbaik pengurusan sisa pepejal ke arah pengurangan penghasilan karbon.

Selain itu, MBSP juga membantu dalam usaha-usaha pihak swasta dan kawasan perumahan untuk mewujudkan pusat-pusat pengkomposan.

Tiga pusat pengkomposan yang telah berjaya diwujudkan untuk memproses sisa organik adalah:-

- i. Pusat Kompos Bagan Ajam di Pasar Awam Bagan Ajam yang diuruskan oleh Shence International yang melaksanakan kutipan sisa organik daripada beberapa buah pasar di Seberang Perai iaitu; Pasar Awam Sri Rambai, Pasar Awam Taman Selamat, Pasar Awam Kampung Baru, Pasar Awam Bukit Mertajam, dan Pasar Awam Jeti Lama. Kesemua sisa organik yang dikumpul dihantar akan diproses menjadi kompos.
- ii. Autocity Juru yang diuruskan oleh Pihak Pengurusan Autocity bagi tujuan menjalankan aktiviti pengkomposan bagi premis-premis di kawasan Auticity Juru; dan
- iii. Taman Pandan yang diuruskan oleh Pihak Pengurusan Taman Pandan untuk menjalankan aktiviti pengkomposan bagi kawasan perumahan Taman Pandan.

MBSP juga telah mengambil inisiatif mewujudkan pusat-pusat kitar semula atau pusat sumber alam sekitar. Buat masa ini, terdapat enam (6) Pusat Sumber Alam Sekitar atau Pusat Kejiranan yang telah ditubuhkan di seluruh Seberang Perai iaitu di Taman Pandan dan Taman Bagan Lalang, Kampung Guar Jening, Seberang Perai Utara; Kampung Permatang Nibong

dan Taman Keenways di Seberang Perai Tengah; dan Puteri Gunung dan Taman Tambun Indah di Seberang Perai Selatan. Kegiatan-kegiatan yang dilaksanakan di Pusat-Pusat Sumber Alam Sekitar ini adalah aktiviti kitar semula, pendidikan alam sekitar, pengkomposan dan kebun kejiranan.

**Yang Berhormat Dato', Yang Berhormat-Yang Berhormat, Tuan-Tuan  
Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Seberang Perai telah dijadikan rujukan di peringkat tempatan dan antarabangsa di mana MBSP telah dilantik dan terlibat dalam beberapa organisasi antarabangsa:-

- i. sebagai *Southeast Asia Regional Executive Committee ICLEI* pada 24 Ogos 2017 untuk penggal 2018 – 2020 dan juga dilantik sebagai salah seorang *Board of Trustees*;
- ii. Ahli Jawantankuasa Eksekutif WeGO untuk penggal 2017 – 2020;

- iii. menerima jemputan daripada UN Habitat untuk membentangkan *A Local Voluntary Reviews for Cities : Seberang Perai City Council Localizing SDGs* pada 10 Februari 2020 di Abu Dhabi, UAE;
- iv. mendapat jemputan daripada URBANICE Malaysia bagi sesi perkongsian bertajuk *Malaysia SDG Cities Towards A Local Voluntary Reviews for Cities* pada 12 Februari 2020 di Abu Dhabi;
- v. dijemput oleh United Cities and Local Governments Asia Pacific (UCLG ASPAC) untuk menyertai Web–Share 07 On Mobility, Public Transport And Public Space In The Future (Post COVID-19 Pandemic) pada 7 May 2020 yang mana saya telah membentangkan sesi perkongsian bertajuk *Lesson and Practice From Local Government: Seberang Perai City Council, Penang Malaysia*;
- vi. dijemput oleh PGC serta European Union (EU) untuk mengambil bahagian dalam sesi webinar pada 2 Julai 2020 bertajuk “ *Why 2020 onwards Penang Needs to Deliver Circular Economy Solutions to Address Our Top 5 Challenges On Mainland and*

*Why Eleminating / Reducing Single Use Plastics Is High On The Agenda”;*

- vii. dijemput oleh Narotama Universitas, Surabaya, Indonesia untuk menjadi speakers *Post COVID19 : Government, Higher Education & Industry Response* pada 4 Julai 2020.

**Yang Berhormat Dato’, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Tuan-Tuan  
Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

MBSP sentiasa bersedia dan akan mencari jalan dan tindakan yang terbaik untuk mengatasinya cabaran-cabaran yang dihadapi di Seberang Perai terutamanya dari segi:

1. Kebersihan- Kehadiran warga asing yang ramai serta segelintir warga tempatan yang masih tidak mempunyai sikap bertanggung jawab membuang sampah di merata tempat yang telah menyebabkan sesetengah kawasan menjadi kotor.
2. Pembuangan sampah-sampah haram.
3. Kesesakan lalu lintas di waktu puncak.

4. Seberang Perai berada di bawah paras laut, oleh itu banjir akan sentiasa berlaku apabila hujan lebat bertembung dengan paras air laut pasang melebihi dua meter.
5. Anjing liar

Saya percaya kita dapat mengatasinya dengan sebaiknya. Mudah-mudahan dengan kepimpinan Ahli-Ahli Majlis yang baru dan lama dapat membantu MBSP menghasilkan idea-idea baru untuk penambahbaikan perkhidmatan kita.

**Yang Berhormat Dato', Yang Berhormat-Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh, Yang Berhormat Dato' Abdul Razak Bin Jaafar, Yang Berhormat Ahli EXCO, Ahli Parlimen Negeri Pulau Pinang dan ADUN Negeri Pulau Pinang, Ketua-Ketua Jabatan, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian kerana telah sama-sama memberikan komitmen penuh dalam menjayakan kesemua program-program MBSP, dasar-dasar baru MBSP dan Hala Tuju MBSP dan saya pasti dengan

komitmen ini, “***Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan***” atau “***Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow***” dapat direalisasikan pada tahun 2022.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada kedua-dua Ahli Majlis yang baru yang akan bersama-sama MBSP menerajui perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat. Saya berharap agar kita semua akan meneruskan kecemerlangan tahun ini dan tahun-tahun akan datang.

***Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan terima kasih.***